

27/01/1997

Bank Negara terajui projek kad pintar

Kadir Dikoh

BANK Negara dilantik sebagai peneraju projek kad pintar yang dijangka dapat digunakan oleh rakyat negara ini dalam semua transaksi elektronik termasuk sebagai kad kredit mulai tahun depan.

Berikutan pelantikan itu, bank pusat terbabit membentuk satu pasukan khas terdiri daripada 11 kakitangan untuk bertugas sepenuh masa bagi menjayakan projek berkenaan yang menjadi satu daripada tujuh aplikasi utama yang akan diperkenalkan dalam Koridor Raya Multimedia (MSC).

Sehubungan itu juga, satu mesyuarat khas dijangka diadakan di Kuala Lumpur minggu ini antara Bank Negara dan syarikat perunding termasuk dari luar negara bagi membincang segala spesifikasi produk kad pintar.

Berita Harian difahamkan kajian lanjut kini sedang dijalankan untuk memasukkan beberapa ciri menarik ke dalam kad pintar berkenaan.

"Insyallah, kita mungkin dapat menggunakan kad pintar menjelang tahun depan iaitu sekurang-kurangnya mempunyai aplikasi mudah tetapi kita tidak boleh terlalu bercita-cita untuk memasukkan segalanya sekali gus.

"Antara yang dirancang ialah untuk memasukkan 'dompet elektronik' iaitu sebagai cip bagi menghubungkannya kepada akaun pemegangnya atau ia boleh disebut sebagai wang elektronik," kata sumber di Kuala Lumpur.

Usaha memperkenalkan kad pintar bagi rakyat negara ini diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selepas mempromosikan MSC di Amerika Syarikat dan Jepun baru-baru ini.

Sumber itu berkata, kewujudan 'dompet elektronik' akan membolehkan seseorang membeli tanpa menggunakan wang tunai walaupun untuk transaksi kecil seperti membeli surat khabar atau makanan ringan menggunakan kad pintar itu.

Beliau berkata, melalui debit secara terus itu, peniaga kemudiannya boleh mendapatkan pemindahan wang itu daripada mana-mana bank untuk dimasukkan ke dalam akaunnya.

"Ini akan menjadikan masyarakat tanpa tunai. Bagaimanapun untuk transaksi yang besar, memerlukan nombor pin pemiliknya bagi keselamatan. Semua ini masih dalam peringkat cadangan.

"Semua ini terlalu teknikal dan perhimpunan di sini (Kuala Lumpur) pada 28 Januari ini daripada semua yang terbabit dari seluruh dunia, akan mencari spesifikasi ke arah produk itu," katanya.

Bagaimanapun katanya, dari segi teknologi tidak ada masalah untuk kad pintar kecuali soal penerimaan rakyat sendiri seperti sama ada mereka berasa selesa atau tidak apabila kad pengenalan serta lesen memandu turut dimasukkan ke dalam kad pintar.

Katanya, ini berdasarkan hakikat bahawa kemungkinan seseorang itu tidak berasa selesa untuk mengeluarkan atau memasukkan kad pengenalan ke mesin ATM yang kadang-kala boleh tertelan menyebabkannya hilang dokumen penting.

(END)